

CADANGAN – CADANGAN PINDAAN

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

Disediakan oleh:
**Stephen Koh Eng Sang
Danesh Prakash Chacko**



Cadangan - Cadangan pindaan PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH)

Pendahuluan

Daftar pemilih merupakan komponen yang amat penting dalam sistem pilihan raya Malaysia. Sebagaimana yang diketahui, pelaksanaan Undi18 dan Pemilih Secara Automatik (*Automatic Voter Registration*) telah membawa gelombang pengundi baru ke dalam sistem pilihan raya.

Kami, TindakMalaysia Network Services PLT (atau dikenali sebagai Tindak Malaysia untuk laporan ini), percaya bahawa sudah tiba masanya bagi kerajaan bersama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengkaji aspek dalam **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pengundi) 2002** untuk mengemaskini dan membuat pindaan yang diperlukan. Tujuan laporan kami adalah memberi respons terhadap pindaan terkini yang dilakukan pada tahun 2021 dan mencadangkan kepada kerajaan semasa untuk mengutamakan reformasi dalam pindaan undang-undang tersebut.

Cadangan yang kami mengemukakan merangkumi beberapa aspek di mana kami berpendapat harus diutamakan:

- a. Definisi Kelas Pengundi Tidak Hadir (PTH), seperti yang ditakrifkan dalam undang-undang semasa, PTH ditakrifkan di bawah Subperaturan 2(b), (c), (d), (e), (f) dan (g). Pindaan yang dicadangkan termasuk memasukkan anggota perkhidmatan tentera yang berada di luar Malaysia dan menakrifkan serta menentukan definisi warganegara Malaysia dari Sabah dan Sarawak yang tidak menetap di wilayah tersebut.
- b. Menakrifkan dan meminta inklusi pengundi Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas untuk diberi keutamaan dalam senarai pengundi, bukan sahaja dengan konvensyen Suruhanjaya Pilihan Raya yang mengutamakan pengundi OKU dan Warga Emas dalam Saluran pertama di pusat mengundi. Ini bertujuan untuk menghilangkan sebarang ketidakjelasan serta memastikan pengundi OKU dan Warga Emas diberi keutamaan dalam Saluran pertama mana-mana pusat mengundi.
- c. Untuk lebih ketelusan dalam meneliti senarai pengundi, seharusnya membenarkan orang awam untuk menyemak senarai pengundi secara dalam talian dan memberikan akauntabiliti bagi sebarang kesilapan atau kesalahan yang dibuat oleh SPR.

Dilampirkan dalam Lampiran adalah satu draf yang mengandungi pindaan tersebut secara teliti. Pindaan tertera dalam **warna coklat kemerah**.



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

[P.U. (A) 293/2002]

Sebagaimana pada 1 Januari 2022

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2022

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	15 Julai 2002
Tarikh permulaan kuat kuasa	16 Julai 2002
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 433/2021 mula berkuat kuasa pada	15 Disember 2021

Cetakan Semula Yang terdahulu

Cetakan Semula Yang Pertama 2004

Cetakan Semula Yang Kedua 2016

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

BENTUK DAFTAR PEMILIH

3. Kawasan pendaftaran dan unit pendaftaran
4. Huruf yang berasingan bagi setiap unit pendaftaran
5. Hak mengundi
6. Susunan nama
7. Perubahan sempadan bahagian pilihan raya
8. Penggunaan daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan berkenaan dengan persempadanan baharu bahagian-bahagian pilihan raya bagi pilihan raya kecil bagi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang belum dibubarkan
9. Daftar pemilih bagi maksud pilihan raya umum atau pilihan raya kecil

BAHAGIAN III

DAFTAR PEMILIH INDUK

10. Daftar pemilih induk

BAHAGIAN IV

DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN

Peraturan

11. Daftar pemilih tambahan
12. Pendaftaran pemilih/**Pengundi Tidak Hadir (Dalam Negara)**
- 12A. Permohonan bagi pemindahan pendaftaran
13. Penyemakan daftar pemilih tambahan
- 13A. Pemerakuan daftar pemilih tambahan
14. Tuntutan yang berhubungan dengan daftar pemilih tambahan
15. Bantahan yang berhubungan dengan daftar pemilih tambahan
16. Penolakan bantahan
17. Siasatan awam
18. Bantahan tanpa sebab yang munasabah
19. Penarikan balik bantahan
20. Rayuan
21. Mendapatkan jumlah wang yang diawardkan
- 21A. (*Dipotong*)
22. (*Dipotong*)

BAHAGIAN V

PELBAGAI

23. Notis, dsb.
24. Penggabungan daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan
25. Kuasa Ketua Pendaftar berkenaan dengan daftar pemilih
26. Keterangan dengan bersumpah
27. Salinan percuma daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan
28. Penjualan daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan
29. Perihalan nama dan tempat yang tidak tepat
30. Penyiaran notis
31. Pembatalan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*], Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002**.
(2) Peraturan-Peraturan ini terpakai di seluruh Malaysia.
(3) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 Julai 2002.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
“Ketua Pendaftar”, “Pendaftar” dan “Penolong Pendaftar” masing-masing ertiannya Ketua Pendaftar Pemilih, Pendaftar Pemilih dan Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik di bawah seksyen 8 Akta;
“Pegawai Pengadil” ertiannya Pegawai Pengadil yang dilantik di bawah seksyen 8 Akta Pilihan Raya 1958;

“Pengundi Tidak Hadir” ertinya seseorang warganegara yang telah mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh kelayakan dan—

- (a) ialah seorang anggota yang berkhidmat dengan mana-mana angkatan tentera laut tetap, angkatan tentera biasa tetap atau angkatan tentera udara ~~tetap Malaysia, Komanwel atau negara lain di luar sempadan Malaysia;~~
- (b) ialah isteri atau suami kepada seseorang anggota yang berkhidmat dengan mana-mana angkatan tentera yang disebut dalam perenggan (a), yang memilih untuk menjadi seorang Pengundi Tidak Hadir, *selagi individu menetap di luar sempadan Malaysia;*
- (c) yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri atau berkhidmat dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri, dan yang sedang menjalankan tugas di luar sempadan Semenanjung Malaysia atau Sabah atau Sarawak;
- (d) ialah isteri atau suami kepada seseorang yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri atau berkhidmat dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri, yang tinggal bersama suami atau isterinya itu di luar sempadan Semenanjung Malaysia atau Sabah atau Sarawak pada tarikh permohonannya untuk didaftarkan sebagai seorang pemilih Parlimen atau pemilih Negeri;
- (e) yang sedang belajar sepenuh masa di mana-mana universiti, maktab latihan atau mana-mana institusi pendidikan tinggi di luar sempadan Semenanjung Malaysia atau Sabah atau Sarawak; atau
- (f) ialah isteri atau suami kepada seseorang yang sedang belajar sepenuh masa di mana-mana universiti, maktab latihan atau mana-mana institusi pendidikan tinggi di luar sempadan Semenanjung Malaysia atau Sabah atau Sarawak, yang tinggal bersama suami atau isterinya itu pada tarikh permohonan untuk didaftarkan sebagai seorang pemilih Parlimen atau pemilih Negeri.

- (g) yang didaftar sebagai Pemilih di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan atau Semenanjung Malaysia tetapi bertinggal di luar sempadan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan tidak tertakluk dibawah maksud peranggan (a).

**CATATAN*

Mana-mana perkataan-perkataan atau ayat mempunyai garis lorek merujuk cadangan Tindak Malaysia yang memotong kandungan tersebut dalam peraturan ini.

BAHAGIAN II

BENTUK DAFTAR PEMILIH

Kawasan pendaftaran dan unit pendaftaran

3. (1) Setiap unit bahagian pilihan raya Parlimen terdiri daripada bahagian pilihan raya Negeri dan daerah mengundi dan menjadi suatu kawasan pendaftaran.

(2) Setiap daerah mengundi hendaklah menjadi suatu unit pendaftaran yang berasingan di dalam suatu kawasan pendaftaran.

(3) Daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan hendaklah dibuat dalam bahagian yang berasingan bagi setiap unit pendaftaran di dalam kawasan pendaftaran.

Huruf yang berasingan bagi setiap unit pendaftaran

4. Maka hendaklah ada huruf atau huruf-huruf atau nombor atau nombor-nombor yang berasingan, atau kedua-duanya, bagi setiap unit pendaftaran dan huruf atau huruf-huruf atau nombor atau nombor-nombor itu, atau kedua-duanya itu, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada nombor pemilih dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan.

Hak mengundi

5. Mana-mana pemilih berdaftar berhak untuk mengundi dalam suatu pilihan raya Parlimen atau pilihan raya Negeri.

5A. Suruhanjaya Pilihan Raya akan, bila bila masa, membenarkan Pemilih untuk mengemaskini maklumat secara dalam talian di pangkalan data yang diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Susunan nama

6. (1) Nama dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan bagi setiap unit pendaftaran hendaklah disusun mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar dan hendaklah dinomborkan mengikut arahan Ketua Pendaftar.

(2) Nama Pengundi Tidak Hadir atau anggota mana-mana pasukan polis yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia, selain anggota Pasukan Polis Sukarelawan, yang berhak menjadi pengundi awal di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya, hendaklah ditunjukkan dalam suatu senarai yang berasingan bagi pengundi awal di hujung setiap bahagian daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan berkenaan dengan setiap unit pendaftaran yang dalamnya orang itu berkelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih.

(3) Jika sebarang kesilapan dikesan dalam daftar pemilih induk atau daftar pilihan raya tambahan, kesilapan tersebut hendaklah diperbetulkan oleh Pendaftar mengikut prosedur yang berkaitan dengan bantahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 14, 15, 16, 17, 18, 19 & 20 dan subperaturan 13(5), 25(5), (6) dan (7).

(4) Pengundi Orang Kurang Upaya yang telah didaftarkan mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, nama-nama pengundi untuk Daftar pemilih bagi maksud pilihan raya umum atau pilihan raya kecil tersebut akan disusunkan dengan turutan dari nombor terkecil atau apa-apa tatacara diperkenakan oleh Ketua Pendaftar bagi membenarkan pengundi-pengundi tersebut mengundi di dalam tempat mengundi yang bersesuaian.

(5) Pengundi berumur 60 tahun dan ke atas, nama-nama pengundi untuk Daftar pemilih bagi maksud pilihan raya umum atau pilihan raya kecil tersebut akan disusunkan dengan turutan dari nombor terkecil atau apa-apa tatacara diperkenakan oleh Ketua Pendaftar bagi membenarkan pengundi-pengundi tersebut mengundi di dalam tempat mengundi yang bersesuaian.

Perubahan sempadan bahagian pilihan raya

7. Jika dalam mana-mana tahun sebelum pemerakuan daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan di bawah Peraturan-Peraturan ini, sempadan mana-mana bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Negeri diubah oleh Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut Perlembagaan Persekutuan—

- (a) maka daftar pemilih induk yang terakhir diperakui atau daftar pemilih tambahan yang terakhir diperakui, bagi kawasan pendaftaran yang terkandung dalam bahagian pilihan raya itu, hendaklah terus sah sehingga pemerakuan

berikutnya daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan itu;

(b) Ketua Pendaftar boleh—

- (i) membuat apa-apa pemindahan yang perlu akan butir-butir pemilih berdaftar dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan;
- (ii) membuat apa-apa perubahan lain kepada, atau memberikan apa-apa arahan berhubung dengan, daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan perubahan itu; dan
- (iii) memberikan apa-apa perakuan selanjutnya dengan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.

Penggunaan daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan berkenaan dengan persempadanan baharu bahagian-bahagian pilihan raya bagi pilihan raya kecil bagi Parliment atau Dewan Undangan Negeri yang belum dibubarkan

8. Jika persempadanan baharu bahagian-bahagian pilihan raya telah berkuat kuasa, tetapi Parliment atau mana-mana Dewan Undangan Negeri yang wujud sebelum persempadanan baharu itu mula berkuat kuasa belum lagi dibubarkan, pemerakuan di bawah Peraturan-Peraturan ini daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan yang disediakan berhubung dengan persempadanan baharu bahagian-bahagian pilihan raya itu adalah sah bagi maksud mana-mana pilihan raya kecil berkenaan dengan Parliment atau suatu Dewan Undangan Negeri yang belum dibubarkan itu, dan Ketua Pendaftar boleh memberikan apa-apa arahan berhubung dengan daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan itu sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk menghapuskan apa-apa kesulitan atau selainnya, dan boleh juga memberikan apa-apa perakuan atau perakuan-perakuan selanjutnya dengan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu atau suai manfaat, bagi maksud pilihan raya kecil itu.

Daftar pemilih bagi maksud pilihan raya umum atau pilihan raya kecil

9. Bagi maksud sesuatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menentukan daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan yang terakhir diperakui, sebelum pembubaran Parliment atau Dewan Undangan Negeri itu atau sesuatu kekosongan berlaku, yang hendaklah digunakan dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil itu.

BAHAGIAN III

DAFTAR PEMILIH INDUK

Daftar pemilih induk

10. (1) Daftar pemilih yang telah disediakan di bawah Peraturan-Peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya 1971 [P.U. (A) 326/1971], Peraturan-Peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya (Sarawak) 1971 [P.U. (A) 327/1971] dan Peraturan-Peraturan

(Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya (Sabah) 1971 [P.U. (A) 328/1971] dan diperakui oleh Suruhanjaya Pilihan Raya pada atau sebelum 31 Disember 2001 menjadi daftar pemilih induk di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bagi maksud semakan, Ketua Pendaftar hendaklah, tiap-tiap bulan, menyediakan senarai nama pemilih daripada daftar pemilih induk yang telah meninggal dunia atau hilang kelayakan untuk didaftarkan dan Ketua Pendaftar hendaklah mengemaskinikan daftar pemilih induk itu dengan memotong nama pemilih yang telah meninggal dunia atau hilang kelayakan untuk didaftarkan. **Dalam menyediakan senarai nama pemilih, Pendaftar hendaklah memperoleh maklumat yang diperlukan dari laporan yang diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia, maklumat yang dikekalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, dan salinan dokumen sah yang dikekalkan dalam rekod mahkamah.**

(3) Dalam mengemaskinikan daftar pemilih induk di bawah subperaturan (2), Ketua Pendaftar boleh—

- (a) mengarahkan Pendaftar atau mana-mana orang yang dilantik olehnya secara bertulis untuk membuat siasatan dari rumah ke rumah atau siasatan lain sebagaimana yang difikirkannya perlu; atau
- (b) sama ada olehnya sendiri atau melalui Pendaftar bagi maksud itu, menghantar suatu notis yang menghendaki maklumat kepada orang yang daripadanya maklumat itu dikehendaki dengan cara pos biasa yang dialamatkan kepada orang itu atau dengan menyampaikan notis itu kepada orang itu sendiri atau kepada seseorang anggota isi rumahnya yang dewasa.

(4) Jika mana-mana orang yang daripadanya maklumat itu dikehendaki tidak memberikan maklumat itu kepada Ketua Pendaftar atau Pendaftar dalam masa tujuh hari selepas notis di bawah perenggan (3)(b) disampaikan kepadanya oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar, maka selain apa-apa penalti yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis, namanya hendaklah dipotong daripada daftar pemilih induk sekiranya dia berdaftar sebagai pemilih.

(5) Pendaftar dan tiap-tiap orang yang dilantik oleh Ketua Pendaftar di bawah perenggan (3)(a) yang kepadanya telah diberikan apa-apa maklumat atau yang olehnya maklumat itu dikumpulkan di bawah peraturan ini hendaklah dengan serta-merta memberikan maklumat itu kepada Ketua Pendaftar.

BAHAGIAN IV

DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN

Daftar pemilih tambahan

11. Maka hendaklah ada suatu daftar pemilih tambahan yang hendaklah mengandungi nama pemilih yang baru didaftarkan dan pemilih berdaftar yang pendaftarannya dipindahkan ke kawasan pendaftaran berlainan.

Pendaftaran pemilih

12. (1) Pendaftar hendaklah mendaftar—

- (a) tiap-tiap orang yang berkelayakan untuk didaftarkan sebagai seorang pemilih Parlimen di dalam mana-mana Negeri; dan
- (b) tiap-tiap orang yang berkelayakan untuk didaftarkan sebagai seorang pemilih Negeri di dalam Negeri itu,

dan yang belum didaftarkan sedemikian di bawah Peraturan-Peraturan ini sebagai pemilih bagi suatu kawasan pendaftaran.

(2) Bagi maksud pendaftaran seseorang pemilih bagi suatu kawasan pendaftaran di bawah subperaturan (1), Pendaftar hendaklah memuaskan hatinya tentang kecukupan maklumat berhubung dengan—

- (a) status kewarganegaraan, nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat kediaman pemilih dan apa-apa maklumat lain mengenai pemilih, yang diperoleh daripada jabatan yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab yang berhubungan dengan hal ehwal pendaftaran warganegara Malaysia; dan
- (b) status kehilangan kelayakan pemilih yang boleh diminta oleh Pendaftar daripada mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan yang berkaitan.

Permohonan bagi pemindahan pendaftaran/Pengundi Tidak Hadir (Dalam Negara)

12A. (1) Mana-mana orang yang telah didaftarkan sebagai pemilih dan berhasrat untuk memindahkan pendaftarannya ke suatu tempat yang lain yang dia layak untuk didaftarkan, hendaklah memohon kepada mana-mana Pendaftar bagi mana-mana kawasan pendaftaran atau mana-mana Penolong Pendaftar bagi mana-mana unit pendaftaran.

Jika pendaftaran dibuat secara dalam talian, pengundi hendaklah dalam tempoh sepuluh hari bekerja, mengemukakan salinan rasmi MyKad yang sah atau dokumen pengenalan lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam Borang A dalam Jadual dan hanya boleh dibuat sekali bagi setiap pemerakuan daftar pemilih tambahan.

(2A) Bagi tujuan pendaftaran pengundi untuk kawasan pendaftaran di bawah subperaturan (1), Pendaftar hendaklah memastikan kesahihan maklumat yang mencukupi berkenaan dengan—

(a) status kewarganegaraan pengundi, nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat kediaman serta sebarang maklumat lain mengenai pengundi, yang diperolehi daripada jabatan yang berkaitan dengan pendaftaran urusan warganegara Malaysia; dan

(b) status kehilangan layak pengundi yang boleh diperolehi oleh Pendaftar daripada mana-mana agensi yang berkaitan dengan Kerajaan Persekutuan Malaysia.

(3) Pengundi yang layak namanya belum dipindahkan di bawah Peraturan-peraturan ini, boleh mengemukakan tuntutan kepada Pendaftar kawasan pendaftaran atau Penolong Pendaftar unit pendaftaran di mana dia layak sebagai pengundi, dan Pendaftar akan memindahkan pengundi yang layak tersebut dengan serta-merta.

(4) Pemilih di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan yang tinggal di kawasan atau wilayah selain daripada kawasan di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan atau mana-mana di Semenanjung Malaysia, boleh memohon status sebagai Pengundi Tidak Hadir melalui proses permohonan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(5) Pemilih di Semenanjung Malaysia yang tinggal di kawasan atau wilayah di Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan boleh memohon status sebagai Pengundi Tidak Hadir melalui proses permohonan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(6) Permohonan sebagai Pengundi Tidak Hadir untuk kategori di subperaturan (5) dan (6) tidak dibenarkan setelah pengumuman rasmi mengenai pembubaran Parlimen, Dewan Undangan Negeri atau kekosongan bagi suatu kawasan sehingga tamatnya pilihan raya untuk peringkat tersebut.

(7) Jika Pemilih yang dikategorikan sebagai Pengundi Tidak hadir berhasrat untuk menjadi Pengundi Biasa atau apa-apa jenis Pengundi lain mengikut pengelasan Suruhanjaya Pilihan Raya, Pemilih perlu memohon melalui proses permohonan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(8) Permohonan ditukarkan keluar sebagai Pengundi Tidak Hadir dalam subperaturan (4) dan (5) tidak dibenarkan dalam jangka masa yang ditetapkan dalam subperaturan (6).

Penyemakan daftar pemilih tambahan

13. (1) Pendaftar hendaklah, sekali dalam sebulan, menyemak daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran yang baginya dia dilantik.

(2) Bagi maksud menyemak daftar pemilih tambahan dan memuaskan hatinya tentang kelayakan mana-mana orang untuk didaftarkan atau menentukan sama ada nama mana-mana orang patut dimasukkan atau dikekalkan dalam daftar pemilih tambahan atau dikeluarkan daripada daftar pemilih tambahan, Pendaftar boleh sama ada menjalankan apa-apa siasatan dari rumah ke rumah atau siasatan lain yang difikirkannya perlu, sama ada olehnya sendiri atau melalui mana-mana orang yang dilantik olehnya cara bertulis bagi maksud itu atau boleh menghantar suatu notis menghendaki maklumat kepada orang yang daripadanya maklumat itu dikehendaki dengan cara pos biasa yang dialamatkan kepada orang itu atau dengan menyampaikan notis itu kepada orang itu sendiri atau kepada seseorang anggota isi rumahnya yang dewasa.

(3) Jika mana-mana orang yang namanya ada dalam daftar pemilih tambahan tidak memberikan maklumat itu kepada Pendaftar tentang kelayakannya sendiri untuk didaftarkan dalam masa tujuh hari selepas suatu notis di bawah subperaturan (2) disampaikan kepadanya oleh Pendaftar, maka selain apa-apa penalti yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis, namanya hendaklah dikeluarkan daripada daftar pemilih tambahan itu.

(4) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh menjalankan pemeriksaan termasuk tetapi tidak terhad kepada lawatan fizikal untuk mengesahkan permohonan Pengundi Tidak Hadir.

(5) Jika Suruhanjaya Pilihan Raya mendapati pemohon gagal memenuhi syarat-syarat pengesahan, Suruhanjaya Pilihan Raya mesti dalam masa dua minggu, memaklumkan pemohon mengenai penolakan tersebut dan pemohon perlu membuat permohonan baru sekiranya dia berhasrat demikian.

(6) Tiap-tiap orang yang dilantik oleh Pendaftar di bawah subperaturan (2) yang kepadanya telah diberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kelayakan mana-mana orang bagi pendaftaran atau yang berkaitan bagi menentukan sama ada nama mana-mana orang patut atau tidak patut dimasukkan ke dalam atau dikekalkan dalam daftar pemilih tambahan atau yang olehnya maklumat itu telah dikumpulkan hendaklah dengan serta-merta memberikan maklumat itu kepada Pendaftar.

(7) Apabila daftar pemilih tambahan bagi mana-mana kawasan pendaftaran telah siap disemak, Pendaftar hendaklah memperakui daftar pemilih tambahan itu mengikut peraturan 13A.

(8) (*Dipotong oleh P.U. (A) 433/2021*).

Pemerakuan daftar pemilih tambahan

13A. (1) Pendaftar bagi setiap kawasan pendaftaran hendaklah, seberapa segera yang boleh selepas berakhirnya setiap bulan, memperakui daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran dalam Borang B dalam Jadual.

(2) Pendaftar hendaklah, seberapa segera yang boleh selepas pemerakuan itu, memberikan notis dalam *Warta* bahawa daftar pemilih tambahan itu, atau suatu salinan daftar itu, terbuka untuk diperiksa, selama tempoh minimum tiga puluh hari, mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, di laman web rasmi yang diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, notis awam di pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya dan apa-apa cara tambahan ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(3) Notis di bawah subperaturan (2) boleh diberikan oleh Pendaftar—

- (a) berkenaan dengan daftar pemilih tambahan bagi lebih daripada satu kawasan pendaftaran; atau
- (b) berkenaan dengan daftar pemilih tambahan bagi satu kawasan pendaftaran atau satu unit pendaftaran.

(4) Daftar pemilih tambahan yang diperakui hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh notis di bawah subperaturan (2) disiarkan dalam *Warta* dan, tertakluk pada apa-apa perubahan dalam daftar pemilih tambahan itu, jika ada, daftar pemilih tambahan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga daftar pemilih tambahan itu digabungkan dengan daftar pemilih induk dan kemudiannya diperakui semula.

(5) Jika pusat mengundi seseorang pengundi telah dipindahkan atau diubah, Ketua Pendaftar hendaklah menerbitkan notis dalam dua akhbar nasional dan di laman web Suruhanjaya Pilihan Raya, untuk mengumumkan penerbitan *Warta* dan memberitahu setiap pengundi tentang perubahan pusat mengundi, melalui e-mel atau melalui pos.

Tuntutan yang berhubungan dengan daftar pemilih tambahan

14. (1) Mana-mana orang yang berkelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi mana-mana kawasan pendaftaran boleh, jika namanya telah tertinggal daripada daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran itu, mengemukakan suatu tuntutan kepada Ketua Pendaftar atau mana-mana Pendaftar supaya dimasukkan namanya ke dalam daftar pemilih tambahan itu.

(2) Mana-mana orang yang telah didaftarkan dalam daftar pemilih tambahan bagi mana-mana kawasan pendaftaran **dalam tiga puluh hari sejak daftar pemilih tambahan boleh diperiksa seperti mana dalam 13A (2)** yang baginya dia berkelayakan untuk didaftarkan boleh mengemukakan suatu tuntutan kepada Ketua Pendaftar atau mana-mana Pendaftar—

- (a) jika dia telah memohon bagi pemindahan pendaftarannya ke suatu tempat yang lain tetapi tidak didaftarkan sedemikian;
- (b) jika dia telah didaftarkan bagi suatu kawasan pendaftaran yang bukan kawasan pendaftaran yang berkenaan dengannya orang itu sepatutnya didaftarkan;
- (c) jika terdapat kesilapan atau peninggalan tentang butir-butir peribadinya dalam daftar pemilih tambahan itu; atau
- (d) jika dia mempunyai apa-apa sebab lain yang berhubungan dengan pendaftarannya dalam daftar pemilih tambahan untuk mengemukakan suatu tuntutan.

(3) Tiap-tiap tuntutan oleh orang yang disebut dalam subperaturan (1) atau (2), yang kemudian daripada ini disebut “penuntut”, hendaklah dibuat dalam Borang C dalam Jadual dan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar atau mana-mana Pendaftar dengan sendiri, melalui pos atau melalui cara elektronik.

(4) Setelah menerima suatu tuntutan di bawah subperaturan (1) atau (2), Ketua Pendaftar atau Pendaftar boleh, jika dia berpendapat bahawa butir-butir yang diberikan dalam tuntutan itu tidak mencukupi, meminta maklumat lanjut daripada penuntut.

(5) Jika penuntut tidak memberikan maklumat lanjut dalam masa empat belas hari dari tarikh dia menerima permintaan di bawah subperaturan (4), tuntutan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan Ketua Pendaftar atau Pendaftar tidak akan mengambil tindakan selanjutnya.

(6) Jika Ketua Pendaftar atau Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu tuntutan di bawah peraturan ini boleh dibenarkan, dia hendaklah **dalam tempoh tiga puluh hari** —

- (a) berkenaan dengan tuntutan di bawah subperaturan (1), memasukkan nama penuntut itu ke dalam daftar pemilih tambahan itu; atau
- (b) berkenaan dengan tuntutan di bawah subperaturan (2), memasukkan nama penuntut itu ke dalam daftar pemilih tambahan yang berkenaan, membuat apa-apa pembetulan dalam daftar pemilih tambahan itu atau mengambil apa-apa tindakan lain yang difikirkan perlu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Bantahan yang berhubungan dengan daftar pemilih tambahan

15. (1) Mana-mana orang yang namanya ada dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran yang baginya dia berkelayakan untuk didaftarkan boleh membantah kemasukan nama mana-mana pemilih lain, yang pendaftarannya dipindahkan ke kawasan pendaftaran berlainan menurut suatu permohonan di bawah subperaturan 12A(1), ke dalam daftar pemilih tambahan itu.

(2) Tiap-tiap bantahan oleh orang yang disebut dalam subperaturan (1), kemudian daripada ini disebut “pembantah”, hendaklah dibuat dalam Borang D dalam Jadual dan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar bagi kawasan pendaftarannya dengan sendiri pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja dalam tempoh yang daftar pemilih tambahan itu terbuka untuk diperiksa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subperaturan 13A(2).

(2A) (*Dipotong oleh P.U. (A) 433/2021*).

(3) Pembantah dibenarkan membantah sekali sahaja dan bilangan orang yang mengenainya pembantah itu dibenarkan membantah tidak boleh melebihi dua puluh orang bagi tiap-tiap daftar pemilih tambahan.

(4) Pembantah hendaklah membayar fi sebanyak sepuluh ringgit bagi setiap orang yang dibantahnya.

(5) Pendaftar hendaklah, apabila diterima bantahan di bawah peraturan ini, jika dia berpendapat bahawa butir-butir yang diberikan dalam bantahan itu tidak mencukupi, meminta maklumat lanjut daripada pembantah yang hendaklah mengemukakan maklumat itu dalam masa empat belas hari dari tarikh pembantah itu menerima permintaan itu.

(6) Jika pembantah tidak mengemukakan maklumat mengikut cara yang diperuntukkan dalam subperaturan (5), bantahan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan Pendaftar tidak akan mengambil tindakan selanjutnya.

(7) Jika Pendaftar berpendapat bahawa pembantah itu tidak berhak untuk membantah, dia boleh menolak bantahan itu dan hendaklah memberitahu pembantah itu bahawa bantahannya ditolak.

(8) Pendaftar hendaklah—

- (a) dalam apa-apa hal jika dia berpuas hati bahawa butir-butir yang diberikan dalam sesuatu bantahan itu mencukupi; atau
- (b) apabila diterima maklumat yang diminta di bawah subperaturan (5),

dengan seberapa segera yang boleh menghantar notis mengenai bantahan itu dalam Borang E dalam Jadual kepada orang yang mengenainya bantahan itu dibuat.

Penolakan bantahan

16. Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu bantahan tidak boleh dibenarkan kerana—

- (a) perkara itu telah diselesaikan oleh keputusan sesuatu mahkamah; atau
- (b) butir-butir yang diberikan dalam sesuatu bantahan tidak mengehakkan pembantah untuk berjaya,

dia boleh menghantar kepada pembantah itu suatu notis yang menyatakan pendapatnya dan alasan bagi pendapatnya itu dan bahawa dia bercadang untuk menolak bantahan itu melainkan jika

pembantah itu memberikannya notis dalam masa tujuh hari dari tarikh notis yang mula-mula disebut itu bahawa dia menghendaki bantahan itu didengar dan, jika Pendaftar tidak menerima notis sedemikian dalam masa tersebut, dia boleh menolak bantahan itu.

Siasatan awam

17. (1) Tertakluk pada peraturan 15 dan 16, Pendaftar hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas menerima suatu bantahan terhadap kemasukan mana-mana nama ke dalam daftar pemilih tambahan, mengadakan suatu siasatan awam mengenai bantahan itu yang dibuat dengan sewajarnya, dengan memberikan notis tidak kurang daripada empat belas hari dalam Borang F dalam Jadual kepada pembantah atau orang yang mengenainya bantahan telah dibuat dan mana-mana orang yang didapati oleh Pendaftar mempunyai kepentingan dalam atau tersentuh oleh siasatan itu boleh hadir sendiri dan didengar.

(2) Jika suatu bantahan dibuat terhadap kemasukan mana-mana nama dalam daftar pemilih tambahan, Pendaftar boleh, semasa siasatan awam itu, memanggil pembantah untuk memberikan bukti *prima facie* mengenai alasan untuk bantahan itu.

(3) Jika bukti *prima facie* yang disebut terdahulu diberikan, Pendaftar hendaklah menghendaki bukti tentang kelayakan orang yang mengenainya bantahan itu telah dibuat, dan—

- (a) jika kelayakan orang itu tidak dibuktikan dengan memuaskan hati Pendaftar, hendaklah mengeluarkan nama orang itu daripada daftar pemilih tambahan itu;
- (b) jika kelayakan orang itu dibuktikan sedemikian, hendaklah mengekalkan nama orang itu dalam daftar pemilih tambahan itu.
- (c) Jika dalam kes perubahan kawasan pendaftaran tanpa sebarang permohonan yang dikemukakan oleh pengundi dan Pendaftar tidak dapat membuktikan kewujudan permohonan sedemikian, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memindahkan pengundi ke kawasan pendaftaran asalnya dan pengundi tersebut hendaklah diberi pampasan sebanyak Dua Ratus Ringgit sahaja, oleh Pendaftar yang bertanggungjawab untuk tindakan ini dan dalam kes yang tidak dapat mengenal pasti individu yang bertanggungjawab, pampasan tersebut akan ditanggung oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(d) Seorang Pendaftar yang bertanggung jawab atas pelanggaran tugasnya di bawah sub peraturan (c) di atas akan digantung dengan serta-merta menunggu pendakwaan dan jika disabit kesalahan, akan dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya, di bawah Seksyen 4 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

(4) Jika semasa siasatan awam, pembantah itu tidak hadir atau hadir tetapi tidak memberikan apa-apa bukti *prima facie* yang disebut terdahulu, maka Pendaftar hendaklah mengekalkan nama orang yang mengenainya bantahan dibuat dalam daftar pemilih tambahan itu tanpa meminta orang itu untuk membuktikan kelayakannya.

(5) Tanpa menjelaskan subperaturan (2), ketiadaan atau ketidakhadiran orang yang mengenainya bantahan dibuat dalam siasatan awam itu tidaklah melepaskan pembantah daripada memberikan bukti *prima facie* sedemikian untuk membuktikan hakikat bahawa nama orang yang mengenainya bantahan itu dibuat tidak sepatutnya ada, atau tidak berhak untuk terus dikekalkan, dalam daftar pemilih tambahan itu.

(6) Sebelum mula mendengar bantahan dalam siasatan awam itu, Pendaftar hendaklah berpuas hati bahawa notis dalam Borang F dalam Jadual telah disampaikan kepada orang yang mengenainya bantahan itu dibuat.

(7) Jika bukti *prima facie* sedemikian diberikan semasa ketiadaan orang yang mengenainya bantahan itu dibuat, maka adalah sah bagi Pendaftar untuk mengeluarkan nama orang itu daripada daftar pemilih tambahan itu.

(8) Jika tiada bukti *prima facie* sedemikian diberikan oleh pembantah, Pendaftar hendaklah mengekalkan nama orang itu dalam daftar pemilih tambahan itu.

Bantahan tanpa sebab yang munasabah

18. Jika sesuatu bantahan dibuat dan ditolak oleh Pendaftar dan, pada pendapatnya, bantahan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah, maka Pendaftar boleh, secara bertulis, memerintahkan pembantah supaya membayar orang yang mengenainya bantahan itu dibuat sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus ringgit sebagai pampasan kerana apa-apa kehilangan masa atau apa-apa kesulitan yang ditanggung oleh orang itu akibat daripada bantahan itu. **Di mana Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk percaya bahawa pembantah membuat melebihi satu bantahan untuk pendengaran secara *male fide*, Pendaftar boleh mewajibkan pelaksanaan Peraturan 15 (2)(f) Akta Pilihan Raya 1958 ke atas pembantah untuk kes-kes sedemikian.**

Penarikan balik bantahan

19. (1) Seseorang pembantah boleh menarik balik bantahannya pada bila-bila masa tidak lewat daripada lima hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi siasatan awam sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang F dalam Jadual.

(2) Jika sesuatu penarikan balik dibuat selepas habis tempoh yang dinyatakan, Pendaftar boleh, secara bertulis, memerintahkan pembantah supaya membayar sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus ringgit kepada orang yang mengenainya bantahan itu dibuat.

Rayuan

20. (1) Mana-mana pembantah atau orang yang mengenainya bantahan telah dibuat boleh, jika dia terkilan dengan keputusan Pendaftar berkenaan dengan sesuatu bantahan, merayu kepada Pegawai Pengadil.

(2) Tiap-tiap rayuan sedemikian hendaklah dibuat dalam Borang G dalam Jadual dan diserahkan kepada Pegawai Pengadil dengan sendiri berserta fi sebanyak lima ringgit dalam masa sepuluh hari dari tarikh keputusan yang berkenaan dengannya rayuan itu dibuat.

(3) Pegawai Pengadil itu hendaklah mendengar rayuan itu secara terbuka selepas memberikan notis bertulis dalam Borang H dalam Jadual yang tidak kurang daripada empat hari genap tentang tarikh, masa dan tempat bagi pendengaran rayuan itu kepada pihak-pihak yang berkenaan dan boleh mengikut budi bicaranya mendengar apa-apa keterangan lanjut.

(4) Pemutusan rayuan oleh Pegawai Pengadil di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah muktamad ~~dan tidak boleh dicabar atau dipersoalkan dalam, atau diakas, diubah atau dibatalkan oleh, mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.~~

(5) Tanpa menjelaskan subperaturan 23(2), jika pada mana-mana pendengaran rayuan—

- (a) perayu tidak hadir walaupun notis bertulis yang disebut dalam subperaturan (3) telah disampaikan kepadanya, Pegawai Pengadil boleh menolak rayuan itu;
- (b) responden tidak hadir walaupun notis bertulis yang disebut dalam subperaturan (3) telah disampaikan kepadanya, Pegawai Pengadil boleh mendengar dan memutuskan rayuan itu.

(6) Jika, atas penolakan suatu bantahan oleh Pendaftar, pembantah merayu di bawah subperaturan (1) kepada Pegawai Pengadil, dan pada pendapat Pegawai Pengadil, rayuan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah, Pegawai Pengadil itu boleh secara bertulis memerintahkan pembantah supaya membayar orang yang mengenainya bantahan itu telah dibuat sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus ringgit sebagai pampasan kerana apa-apa kehilangan masa atau apa-apa kesulitan yang ditanggung oleh orang itu akibat rayuan itu.

(7) Jika mana-mana rayuan sedemikian seperti yang disebut terdahulu dibenarkan oleh Pegawai Pengadil, maka Pegawai Pengadil berkuasa untuk menyemak atau membatalkan apa- apa perintah yang telah dibuat oleh Pendaftar bagi pembayaran pampasan oleh pembantah itu.

(8) Apabila Pegawai Pengadil telah memutuskan rayuan yang telah dibuat mengenai bantahan, dia hendaklah menghantar kepada Pendaftar suatu pernyataan yang ditandatanganinya sendiri yang mengandungi nama-nama yang telah diputuskannya hendaklah dikekalkan dalam atau dikeluarkan daripada, daftar pemilih tambahan itu dan Pendaftar hendaklah meminda daftar pemilih tambahan itu dengan sewajarnya.

Mendapatkan jumlah wang yang diawardkan

21. Apa-apa jumlah wang yang diawardkan di bawah peraturan **17**, 18, 19 atau 20 boleh didapatkan seolah-olah perintah Pendaftar atau Pegawai Pengadil ialah perintah suatu Mahkamah Sesyen bagi mendapatkan wang oleh orang yang kepadanya pampasan itu kena dibayar yang dibuat dengan sewajarnya dalam prosiding sivil di hadapan Mahkamah itu.

21A. (*Dipotong oleh P.U. (A) 433/2021*).

22. (*Dipotong oleh P.U. (A) 433/2021*).

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Notis, dsb.

23. (1) Kecuali dalam hal subperaturan 10(3) dan 13(2), semua notis yang dikehendaki supaya diberikan oleh seorang Pendaftar atau Pegawai Pengadil hendaklah disifatkan telah diberikan dengan sewajarnya jika dihantar dengan pos berdaftar kepada alamat, jika ada, yang diberikan dalam sesuatu tuntutan atau bantahan, atau, jika alamat sedemikian tidak ada, kepada alamat yang diberikan dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan.

(2) Pendaftar atau Pegawai Pengadil boleh, dari semasa ke semasa, menangguhkan apa-apa prosiding di hadapannya di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada apa-apa tarikh, bila-bila masa dan mana-mana tempat yang sesuai.

Penggabungan daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan

24. Ketua Pendaftar hendaklah, selepas penyemakan daftar pemilih induk dan pemerakuan daftar pemilih tambahan, menggabungkan daftar pemilih induk itu dengan daftar pemilih tambahan dan memperakui semula daftar yang telah digabungkan sedemikian dan selepas itu daftar yang telah diperakui semula itu hendaklah menjadi daftar pemilih induk bagi tahun itu.

Kuasa Ketua Pendaftar berkenaan dengan daftar pemilih

25. (1) Walau apa pun apa-apa juar dalam Peraturan-Peraturan ini, tetapi tertakluk pada subperaturan (5), **(6) and (7)** Ketua Pendaftar boleh, pada bila-bila masa, apabila berpuas hati bahawa nama mana-mana orang telah tertinggal atau terkeluar daripada daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan oleh sebab apa-apa kesilapan atau perbuatan salah atau atas apa-apa sebab lain, memasukkan semula nama orang itu ke dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan itu.

(2) Tertakluk pada subperaturan (5), **(6) and (7)** Ketua Pendaftar boleh, pada bila-bila masa, membuat apa-apa perubahan atau pertukaran kepada daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud—

- (a) melaksanakan keputusan mana-mana Pendaftar atau Pegawai Pengadil mengenai apa-apa tuntutan atau bantahan;
- (b) membetulkan apa-apa kesilapan atau peninggalan tentang butir-butir pendaftaran mana-mana orang;
- (c) memasukkan apa-apa butir baharu tentang pendaftaran mana-mana orang;
- (d) memotong mana-mana catatan yang tidak diperlukan dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan;
- (e) memotong nama mana-mana orang yang Ketua Pendaftar berpuas hati sudah meninggal dunia;
- (f) memotong nama mana-mana orang yang telah melepaskan, atau yang telah dengan sah dilucutkan, kewarganegaraannya;
- (g) memotong nama mana-mana orang yang, pada pendapat Ketua Pendaftar, tidak berhak, kerana apa-apa sebab, untuk terus dikekalkan atau ada dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan; atau
- (h) mengemaskinikan kategori mana-mana pemilih berdaftar.

(3) Jika sesuatu kesilapan telah menyebabkan mana-mana orang didaftarkan sebagai seorang pemilih bagi suatu kawasan pendaftaran yang bukan kawasan pendaftaran yang berkenaan dengannya orang itu sepatutnya telah didaftarkan, **tertakluk pada subperaturan (5), (6) and (7)** Ketua Pendaftar boleh memasukkan nama orang itu ke dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan.

(4) Pada menjalankan kuasa di bawah subperaturan (2) dan (3), **tertakluk pada subperaturan (5), (6) and (7)**, Ketua Pendaftar—

- (a) boleh memberikan apa-apa arahan berhubung dengan daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat; dan
- (b) boleh juga memberikan apa-apa perakuan atau perakuan-perakuan selanjutnya dengan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.

(5) Tiada perubahan atau pertukaran menurut Peraturan-Peraturan ini boleh dibuat kepada daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan bagi sesuatu kawasan pendaftaran dalam tempoh yang bermula pada hari—

- (a) pembubaran Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (b) sesuatu kekosongan luar jangka disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya; atau
- (c) pemberitahuan tentang kekosongan luar jangka itu oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Suruhanjaya Pilihan Raya,

dan berakhir pada hari pilihan raya itu selesai.

(6) Subperaturan (5) tidak terpakai bagi apa-apa perubahan atau pertukaran yang dibuat menurut peraturan 7 atau 8.

(6A) Pendaftar hendaklah memberi notis dalam *Warta* bahawa senarai orang yang ditambah atau dikeluarkan dari daftar pengundi utama telah disiapkan dan bahawa senarai ini bersama-sama dengan daftar pengundi utama yang telah dikemaskini atau salinan daftar tersebut dibuka untuk pemeriksaan awam, selama tempoh minimum tiga puluh hari dan,

pada waktu-waktu yang dinyatakan dalam notis di pejabat Pendaftar tersebut serta bahawa senarai orang yang ditambah atau dikeluarkan bersama-sama dengan bahagian daftar pengundi utama atau salinan bahagian daftar tersebut yang berkaitan dengan mana-mana unit pendaftaran dalam kawasan pendaftaran tersebut dibuka untuk pemeriksaan awam, selama tempoh minimum tiga puluh hari dan pada waktu-waktu yang dinyatakan dalam notis dan di tempat-tempat di unit pendaftaran tersebut seperti yang dinyatakan dalam notis, Pendaftar juga hendaklah menyediakan senarai orang yang ditambah atau dikeluarkan bersama-sama dengan daftar pengundi utama yang telah dikemaskini untuk pemeriksaan awam di laman web rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya selama tempoh minimum tiga puluh hari.

(7) Bantahan yang dinaikkan berkenaan dengan mana-mana nama dalam senarai pengundi yang ditambah atau dikeluarkan dari daftar pengundi utama seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 25(7) hendaklah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subperaturan 13(5). Peraturan 14, 15, 16, 17, 18, 19, dan 20 akan digunakan secara *mutatis mutandis* kepada bantahan yang

berkenaan dengan mana-mana nama dalam senarai yang diterbitkan mengikut subperaturan tersebut.

Keterangan dengan bersumpah

26. Seseorang Pendaftar atau Pegawai Pengadil boleh, bagi maksud menimbangkan atau memutuskan apa-apa permohonan, tuntutan, bantahan atau rayuan yang dia dikehendaki menimbangkan atau memutuskan di bawah Peraturan-Peraturan ini, memanggil mana-mana orang supaya hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan dengan bersumpah atau berikrar, dan boleh mentadbirkan mana-mana sumpah atau ikrar itu bagi maksud itu, dan boleh memerintahkan supaya dikemukakan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan apa-apa isu yang pegawai itu dikehendaki menimbangkan dan memutuskan.

Salinan percuma daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan

27. Pendaftar bagi mana-mana kawasan pendaftaran boleh, ~~atas permintaan~~, memberikan secara percuma, kepada calon atau ejen pilihanraya beliau dan mengenakan bayaran yang ditentukan oleh Pendaftar kepada orang awam -

- (a) satu salinan daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan kepada setiap calon dalam sesuatu pilihan raya Parlimen atau kepada ejen pilihan rayanya;

- (b) satu salinan mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan yang berhubungan dengan mana-mana bahagian pilihan raya Negeri atau mana-mana bahagian-bahagian pilihan raya itu yang termasuk dalam kawasan pendaftaran itu kepada setiap calon dalam sesuatu pilihan raya Negeri bagi bahagian pilihan raya itu atau kepada ejen pilihan rayanya.

Penjualan daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan

28. Pendaftar hendaklah atas permohonan—

- (a) memberi mana-mana orang yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, salinan mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa selagi ada salinan yang mencukupi setelah ditolak bilangan yang dikehendaki bagi maksud mana-mana pilihan raya setelah dibayar fi sebanyak dua puluh sen bagi setiap muka surat yang mengandungi lima puluh nama atau kurang;
- (b) memberi mana-mana orang yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan bagi setiap kawasan pendaftaran yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam bentuk elektronik setelah dibayar fi sebanyak dua ratus ringgit dan fi tambahan sebanyak lima (5) sen bagi setiap lima puluh nama atau kurang.

Perihalan nama dan tempat yang tidak tepat

29. Tiada salah sebutan nama atau perihalan yang tidak tepat mengenai mana-mana orang atau tempat yang dinamakan atau diperihalkan dalam mana-mana daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan atau dokumen lain yang disediakan atau dikeluarkan di bawah atau bagi maksud Peraturan-Peraturan ini boleh dengan apa-apa cara menyentuh kuat kuasa Peraturan- Peraturan ini mengenai orang atau tempat itu jika orang atau tempat itu dinyatakan dalam daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan atau dokumen itu secara yang boleh dikenal pasti.

Penyiaran notis

30. Jika apa-apa notis dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini supaya disiarkan dan, pada pendapat pihak berkuasa yang dikehendaki menyiaran notis itu, cara penyiaran yang ditetapkan itu tidak memberikan publisiti yang cukup tentang notis itu, maka dia boleh, selain menyiaran notis itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini, mempamerkan salinan notis itu pada tempat-tempat yang mudah dilihat di dalam bahagian pilihan raya yang dengannya notis itu berhubungan atau mengambil apa-apa langkah lain yang difikirkannya perlu bagi memberikan publisiti tentang notis itu.

Pembatalan

31. Peraturan-Peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya 1971 [P.U. (A) 326/1971], Peraturan-Peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya (Sarawak) 1971 [P.U. (A) 327/1971] dan Peraturan-Peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya (Sabah) 1971 [P.U. (A) 328/1971] dibatalkan.

Jadual

[Subperaturan 12A(2), 13A(1), 14(3), 15(2), 15(8), 17(1), 17(6), 19(1),
20(2) dan 20(3)]

Borang ini percuma	No. Siri:
PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002	
BORANG A	
PEMINDAHAN PENDAFTARAN	
Subperaturan 12A(2)	
BAHAGIAN I	BAHAGIAN III
Kepada: Pendaftar, Permohonan bagi pemindahan pendaftaran	Untuk kegunaan pejabat sahaja Kategori: Negeri: Parlimen: DUN: DM: Tempat:
1. *Kategori pemilih berdaftar: *pengundi biasa/Pengundi Tidak Hadir (*tentera/polis/ pasangan anggota tentera atau polis/pengundi yang tinggal di luar negara) 2. Nama: <i>(Nama seperti dalam MyKad/MyTentera)</i> 3. No. kad pengenalan (MyKad): 4. No. perkhidmatan tentera/polis (jika berkenaan): <i>(Jika pemohon ialah pasangan anggota tentera atau polis, isikan no. perkhidmatan tentera/polis pasangan)</i>	BAHAGIAN IV Tarikh data dimasukkan ke dalam komputer Nama: Tandatangan: Tarikh:
5. Tarikh lahir: 6. Alamat (**seperti dalam MyKad/alamat bertugas bagi anggota tentera/polis): 7. E-mel: 8. No. tel. rumah/pejabat: No. tel. bimbit: 9. Subkategori bagi pengundi yang tinggal di luar negara: *penjawat awam/pasangan penjawat awam/ pelajar/pasangan pelajar 10. Alamat di luar negara bagi pengundi yang tinggal di luar negara: 11. Saya sedar bahawa penalti kerana membuat pernyataan palsu ialah pemerjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya mengikut perenggan 3(1)(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].	BAHAGIAN V Disemak oleh: Nama: Tandatangan: Tarikh:
Tarikh: <i>(NOTA: Borang ini juga digunakan bagi permohonan untuk mengemas kini kategori pemilih berdaftar)</i>	Tandatangan/Cap ibu jari
BAHAGIAN II (PERAKUAN PENYERAHAN)	
Tuan/Puan,	
Saya telah menerima permohonan tuan/puan untuk diproses. Walau bagaimanapun, borang ini tidak menjamin bahawa nama tuan/puan akan dimasukkan ke dalam daftar pemilih bagi kawasan pendaftaran tersebut. Tuan/puan diminta untuk memeriksa daftar pemilih apabila dibuka untuk pemeriksaan. Jika, setelah pemeriksaan, tuan/puan mendapati bahawa nama tuan/puan tiada dalam daftar pemilih tersebut, sila kemukakan tuntutan berserta borang ini dengan segera kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia untuk membolehkan siasatan lanjut dijalankan.	
Nama *Pendaftar/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar:	
Tarikh: <i>(Tandatangan & cap rasmi)</i>	
<i>*Potong mana-mana yang tidak berkenaan</i> <i>**Isikan maklumat yang berkenaan sahaja</i>	

Borang ini percuma	
PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002	
BORANG B	
PEMERAKUAN PENDAFTAR	
Subperaturan 13A(1)	
Saya.....	
Pendaftar bagi Kawasan Pendaftaran	
memperakui bahawa nama-nama pemilih dalam daftar pemilih tambahan ini adalah sebahagian daripada daftar pemilih bagi bahagian pilihan raya parlimen dan negeri yang berhubungan dengan unit pendaftaran dalam kawasan pendaftaran.....	
Tarikh : (Tandatangan & cap rasmi)

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002	
BORANG C	
TUNTUTAN	
Subperaturan 14(3)	
BAHAGIAN I (MAKLUMAT TUNTUTAN)	BAHAGIAN III
Kepada: Ketua Pendaftar/Pendaftar,	Untuk kegunaan pejabat sahaja
Alasan tuntutan: <input type="checkbox"/> Nama tidak didaftarkan <input type="checkbox"/> Kesilapan kawasan pendaftaran <input type="checkbox"/> Kesilapan/Peninggalan butir-butir peribadi (Sila nyatakan) <input type="checkbox"/> Apa-apa alasan lain (yang berhubungan dengan daftar pemilih tambahan sahaja) <input type="checkbox"/> (Sila nyatakan)	Catatan:
BAHAGIAN I (MAKLUMAT PENUNTUT)	BAHAGIAN IV
1. Nama: (Nama seperti dalam MyKad/MyTentera) 2. No. kad pengenalan (MyKad): 3. No. perkhidmatan tentera/polis (jika berkenaan): 4. No. tel. rumah/pejabat: No. tel. bimbit: 5. Alamat: 6. Saya sedar bahawa penalti kerana membuat pernyataan palsu ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan dan denda kedua-duanya mengikut perenggan 3(1)(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].	Tarikh data dimasukkan ke dalam komputer Nama: Tandatangan: Tarikh:
BAHAGIAN V	Disemak oleh: Nama: Tandatangan: Tarikh:
BAHAGIAN II (PERAKUAN PENYERAHAN)	
Tuan/Puan, Saya telah menerima tuntutan tuan/puan untuk diproses. Tuan/Puan diminta untuk memeriksa daftar pemilih apabila ia dibuka untuk pemeriksaan.	
Nama *Pendaftar/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar:	
Tarikh: (Tandatangan & cop rasmi)	
*Potong mana-mana yang tidak berkenaan	

*Peraturan-Peraturan Pilihan Raya
(Pendaftaran Pemilih)*

29

Borang ini percuma PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002																																					
BORANG D BANTAHAN																																					
Subperaturan 15(2)																																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 70%; padding: 5px;"> Kepada: Pendaftar, Kawasan Pendaftaran: </td> <td style="width: 30%; padding: 5px; vertical-align: top;"> BAHAGIAN IV Untuk kegunaan pejabat sahaja Catatan: </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px; text-align: center;"> BAHAGIAN I (MAKLUMAT PEMBANTAH) </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> 1. Nama: <i>(Nama seperti dalam MyKad/MyTentera)</i> </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> 2. No. kad pengenalan (MyKad): </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> 3. No. perkhidmatan tentera/polis (jika berkenaan): </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> 4. No. tel. rumah/pejabat: No. tel. bimbit: </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> 5. Alamat: </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px; text-align: center;"> Tarikh: Tandatangan/Cap ibu jari </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> BAHAGIAN II (MAKLUMAT ORANG YANG TERHADAPNYA BANTAHAN DIBUAT) </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> Saya membantah nama pemilih yang berikut: </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Nama</th> <th style="width: 40%;">No. kad pengenalan (MyKad/MyTentera)</th> <th style="width: 30%;">Alasan bantahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table> </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> <i>Nota: Sila sertakan apa-apa dokumen berkaitan bagi menyokong alasan bantahan</i> </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> BAHAGIAN III (PENGESAHAN PENYERAHAN) </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> Tuan/Puan, Saya telah menerima bantahan tuan/puan berserta fi sebanyak RM10.00 untuk diproses. Tuan/puan boleh menarik semula bantahan tuan/puan pada bila-bila masa tidak lewat daripada 5 hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran awam dinyatakan dalam Borang F. Nama *Pendaftar/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar: Tarikh: Tandatangan & cap rasmi </td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"> <i>*Potong mana-mana yang tidak berkenaan</i> </td> </tr> </table>		Kepada: Pendaftar, Kawasan Pendaftaran:	BAHAGIAN IV Untuk kegunaan pejabat sahaja Catatan:	BAHAGIAN I (MAKLUMAT PEMBANTAH)		1. Nama: <i>(Nama seperti dalam MyKad/MyTentera)</i>		2. No. kad pengenalan (MyKad):		3. No. perkhidmatan tentera/polis (jika berkenaan):		4. No. tel. rumah/pejabat: No. tel. bimbit:		5. Alamat:		Tarikh: Tandatangan/Cap ibu jari		BAHAGIAN II (MAKLUMAT ORANG YANG TERHADAPNYA BANTAHAN DIBUAT)		Saya membantah nama pemilih yang berikut:		<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Nama</th> <th style="width: 40%;">No. kad pengenalan (MyKad/MyTentera)</th> <th style="width: 30%;">Alasan bantahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>		Nama	No. kad pengenalan (MyKad/MyTentera)	Alasan bantahan				<i>Nota: Sila sertakan apa-apa dokumen berkaitan bagi menyokong alasan bantahan</i>		BAHAGIAN III (PENGESAHAN PENYERAHAN)		Tuan/Puan, Saya telah menerima bantahan tuan/puan berserta fi sebanyak RM10.00 untuk diproses. Tuan/puan boleh menarik semula bantahan tuan/puan pada bila-bila masa tidak lewat daripada 5 hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran awam dinyatakan dalam Borang F. Nama *Pendaftar/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar: Tarikh: Tandatangan & cap rasmi		<i>*Potong mana-mana yang tidak berkenaan</i>	
Kepada: Pendaftar, Kawasan Pendaftaran:	BAHAGIAN IV Untuk kegunaan pejabat sahaja Catatan:																																				
BAHAGIAN I (MAKLUMAT PEMBANTAH)																																					
1. Nama: <i>(Nama seperti dalam MyKad/MyTentera)</i>																																					
2. No. kad pengenalan (MyKad):																																					
3. No. perkhidmatan tentera/polis (jika berkenaan):																																					
4. No. tel. rumah/pejabat: No. tel. bimbit:																																					
5. Alamat:																																					
Tarikh: Tandatangan/Cap ibu jari																																					
BAHAGIAN II (MAKLUMAT ORANG YANG TERHADAPNYA BANTAHAN DIBUAT)																																					
Saya membantah nama pemilih yang berikut:																																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">Nama</th> <th style="width: 40%;">No. kad pengenalan (MyKad/MyTentera)</th> <th style="width: 30%;">Alasan bantahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>		Nama	No. kad pengenalan (MyKad/MyTentera)	Alasan bantahan																																	
Nama	No. kad pengenalan (MyKad/MyTentera)	Alasan bantahan																																			
<i>Nota: Sila sertakan apa-apa dokumen berkaitan bagi menyokong alasan bantahan</i>																																					
BAHAGIAN III (PENGESAHAN PENYERAHAN)																																					
Tuan/Puan, Saya telah menerima bantahan tuan/puan berserta fi sebanyak RM10.00 untuk diproses. Tuan/puan boleh menarik semula bantahan tuan/puan pada bila-bila masa tidak lewat daripada 5 hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengaran awam dinyatakan dalam Borang F. Nama *Pendaftar/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar: Tarikh: Tandatangan & cap rasmi																																					
<i>*Potong mana-mana yang tidak berkenaan</i>																																					

Borang ini percuma

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

BORANG E

NOTIS KEPADA ORANG YANG TERHADAPNYA BANTAHAN DIBUAT

Subperaturan 15(8)

Kepada:
 Alamat:

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa saya telah menerima bantahan terhadap kemasukan nama tuan/puan ke dalam daftar pemilih tambahan dalam unit pendaftaran

dan bahawa saya akan mengadakan suatu siasatan awam berkenaan dengan bantahan itu. Tuan/Puan akan diberi notis tidak kurang daripada empat belas hari mengenai tarikh, masa dan tempat siasatan itu akan diadakan.

DAN SELANJUTNYA SILA AMBIL PERHATIAN bahawa melainkan jika tuan/puan hadir di hadapan saya dan menunjukkan sebab mengapa nama tuan/puan *tidak patut dipotong daripada/patut dikekalkan dalam senarai pemilih, nama tuan/puan mungkin dipotong daripada daftar pemilih tambahan.

Alasan-alasan bagi bantahan itu adalah seperti yang berikut:

.....

(Tandatangan & cap rasmi)

Tarikh: Kawasan Pendaftaran:

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

*Peraturan-Peraturan Pilihan Raya
(Pendaftaran Pemilih)*

31

Borang ini percuma

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

BORANG F

NOTIS SIASATAN AWAM

Subperaturan 17(1), 17(6) dan 19(1)

Kepada:
Alamat:
.....

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa saya akan mengadakan suatu siasatan awam berkenaan dengan:

- bantahan tuan/puan terhadap
(nama orang yang terhadapnya bantahan dibuat)
- bantahan oleh terhadap kemasukan nama
(nama pembantah)
tuan/puan dalam daftar pemilih tambahan bagi kawasan pendaftaran.....

pada/di:

Tarikh:
Masa:
Tempat:
.....

(Tandatangan & cap rasmi)

Tarikh: Kawasan Pendaftaran:

Borang ini percuma		
PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002		
BORANG G		
RAYUAN		
Subperaturan 20(2)		
Kepada: Pegawai Pengadil Kawasan Pendaftaran:	BAHAGIAN IV	
	Untuk kegunaan pejabat sahaja	
BAHAGIAN I (MAKLUMAT PERAYU)		
1. Nama: <i>(Nama seperti dalam MyKad/MyTentera)</i>	Catatan: BAHAGIAN V Tarikh data dimasukkan ke dalam komputer Nama: Tandatangan: Tarikh:	
2. No. kad pengenalan (MyKad):		
3. No. perkhidmatan tentera/polis (jika berkenaan):		
4. No. tel. rumah/pejabat: No. tel. bimbis:		
5. Alamat:		
Tarikh:	Tandatangan/Cap ibu jari	
BAHAGIAN II (MAKLUMAT RESPONDEN)		
Saya kemukakan rayuan terhadap responden seperti yang berikut:		
Nama	No. kad pengenalan (MyKad/MyTentera)	Alasan rayuan
<i>Nota: Sila sertakan apa-apa dokumen berkaitan bagi menyokong alasan rayuan.</i>		
BAHAGIAN III (PENGESAHAN PENYERAHAN)		
<p>Tuan/Puan,</p> <p>Saya telah menerima rayuan tuan/puan berserta fiz sebanyak RM5.00 untuk diproses.</p> <p>Nama Pegawai Pengadil:</p> <p>Tarikh: (Tandatangan & cap rasmi)</p>		

Borang ini percuma

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

BORANG H

NOTIS PENDENGARAN RAYUAN

Subperaturan 20(3)

Kepada:

Alamat:

.....

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa saya akan mengadakan suatu pendengaran berkenaan dengan:

rayuan tuan/puan terhadap keputusan siasatan awam yang menamakan sebagai responden.

rayuan terhadap keputusan siasatan awam yang menamakan tuan/puan sebagai responden.

pada/di:

Tarikh:

Masa:

Tempat:

.....
(Tandatangan & cap rasmi)

Tarikh:

Kawasan Pendaftaran:

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Nama	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 106/2012	Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2012	25-04-2012
P.U. (A) 190/2012	Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) (No. 2) 2012	25-06-2012
P.U. (A) 262/2018	Perintah Penyemakan Undang- Undang (Pembetulan Peraturan- Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002) 2018	16-07-2002
P.U. (A) 433/2021	Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2021	15-12-2021

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENDAFTARAN PEMILIH) 2002

SENARAI PERATURAN YANG DIPINDA

Peraturan	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
6	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
10	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
12	P.U. (A) 106/2012 P.U. (A) 433/2021	25-04-2012 15-12-2021
12A	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
13	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
13A	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
14	P.U. (A) 106/2012 P.U. (A) 433/2021	25-04-2012 15-12-2021
15	P.U. (A) 106/2012 P.U. (A) 262/2018 P.U. (A) 433/2021	25-04-2012 16-07-2002 15-12-2021
16	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
17	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
19	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
20	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
21A	P.U. (A) 106/2012 P.U. (A) 190/2012 P.U. (A) 433/2021	25-04-2012 25-06-2012 15-12-2021

Peraturan	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
22	P.U. (A) 106/2012 P.U. (A) 190/2012 P.U. (A) 262/2018 P.U. (A) 433/2021	25-04-2012 25-06-2012 16-07-2002 15-12-2021
23	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
25	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021
Jadual	P.U. (A) 433/2021	15-12-2021